

Ibu bapa perlu pantau pendidikan anak

S.H. 05/02/08 MIS 24

Ibu bapa yang prihatin sentiasa mengambil berat kebajikan anak-anak menjadikan mereka cemerlang dalam peperiksaan dan ia akan menaikkan semangat mereka untuk terus berusaha.

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

SIMPANG MORIB

Tanggungjawab ibu bapa bukan sahaja memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak, malah perlu memantau perkembangan mereka dari semasa ke semasa.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib, Hasiman Sidom, ibu bapa yang prihatin sentiasa mengambil berat kebajikan anak-anak dalam menjadikan mereka cemerlang dalam peperiksaan.

Beliau yakin prestasi anak-anak di DUN Morib mencapai



Antara pelajar yang menerima bantuan Buku Kerja UPSR di SJK(T) Simpang Morib bersama Hasiman Sidom.

keputusan lebih cemerlang kerana beliau yakin sokongan daripada semua pihak mampu meningkatkan prestasi mereka.

Beliau berkata demikian pada Ceramah Motivasi Keibubapaan dan Penyampaian Buku Kerja UPSR kepada tiga sekolah di Dewan SJK(T) Simpang Morib di sini.

Seramai 95 pelajar menerima sumbangan tersebut sebagai langkah persediaan menghadapi UPSR. Beliau berharap DUN Morib ini akan menjadi DUN bestari dengan memperingkatkan usaha dalam menjadikan rakyat dan masyarakat selalu menghargai sumbangan yang diberikan kerajaan.

Pelbagai bantuan telah diberikan kerajaan seperti bantuan KWAPM, bantuan Rancangan Makanan Tambahan dan bantuan Buku Teks sebagai langkah meningkatkan pencapaian dalam bidang pendidikan dan kerjasama seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang.